

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bangunkan standard madu kelulut	Utusan Malaysia
2.	Perlu yakinkan pengguna	Utusan Malaysia
3.	Lalatancam industri kelulut	Utusan Malaysia
4.	Have more policy debates on science	The Star
5.	All set for major floods to hit	The Star
6.	Effects of La Nina to occur in coming months	The Star
7.	Elixir capitalintai syarikat e-dagang tempatan	Harian Metro
8.	Mahu jadi pengeluar utama dunia dalam pembersihan, pembasmian kuman	Utusan Malaysia

Bangunkan standard madu kelulut

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) dijangka siap membangunkan Standard Madu Kelulut pada Jun tahun hadapan.

Menterinya, **Datuk Madius Tangau** berkata, langkah tersebut diambil bagi memastikan ketulenan madu kelulut dan berjaya untuk dijenamakan sebagai *Superfood* pertama Malaysia di peringkat antarabangsa.



Kata beliau, pihaknya kini sedang dalam usaha membangunkan standard madu kelulut dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang di harap akan menjadi dokumen standard yang berwibawa dan bertaraf dunia.

"Inisiatif untuk membangunkan standard berkenaan adalah disebabkan oleh pemalsuan madu kelulut yang berleluasa di pasaran yang dapat memudaratkan kesihatan rakyat," katanya.

Selain Standards Malaysia dan MARDI, MOSTI juga akan melibatkan agensi-agensinya iaitu Institut Genom Malaysia (MGI)-Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) yang membantu dalam pengumpulan sampel madu



DR. SHARIF HARON (dua kiri) menguji alat penyedut madu kelulut sambil diperhati oleh penyelidik MARDI, **Dr. Suri Roowi** (dua dari kanan) dan **Tosiah Sadi** (kiri) di tapak penyelidikan madu kelulut MARDI, Serdang.



ALAT yang digunakan untuk menyedut madu kelulut.

kelulut untuk dianalisis dan NanoMalaysia bertanggungjawab untuk mendapatkan sampel dari Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah MARDI, **Datuk Dr. Sharif Haron** bersetuju bahawa ketulenan madu kelulut di pasaran sekarang sangat

meragukan. Sharif bimbang ia bukan sahaja akan menjejaskan pengusaha lebah kelulut tetapi juga akan memberi kesan negatif kepada kesihatan pengguna.

"Adalah dikhawatiri isu ketulenan ini akan menjejaskan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menobatkan madu kelulut sebagai *Superfood* Malaysia yang

pertama," ujarnya. Kata beliau,

kementerian berkenaan memandang serius isu tersebut dan mengambil inisiatif untuk membangunkan standard madu kelulut yang dapat diterima pakai oleh semua pihak.

Untuk itu, MARDI katanya, telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan telah diperuntuk sebanyak RM300,000. Katanya, standard yang dibangunkan itu mengambil kira Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985 yang mensyaratkan madu mestilah mengandungi air tidak lebih daripada 20 peratus dan kandungan gula penurun tidak kurang daripada 60 peratus.

Katanya lagi, kandungan pemakanan yang dipertimbangkan dalam standard tersebut adalah kandungan karbohidrat, protein, asid amino, vitamin, mineral dan bahan antioksidan.

Selain itu, penjenamaan madu

kelulut akan dilakukan dengan melihat kandungan antioksidan iaitu asid fenolik bebas dalam madu.

Kandungan bahan-bahan tersebut adalah asas utama pembangunan standard bagi menjamin ketulenan dan kualiti produk yang tinggi. Asas-asas standard tersebut

juga bagi memastikan agar status madu lebah kelulut sebagai *Superfood* Malaysia benar-benar ditepati. MARDI telah mengambil beberapa langkah wajar seperti menyediakan cadangan, pelantikan kolaborator projek, penyediaan maklumat usahawan dan kesatuan kelulut.

Langkah yang diambil ini penting bagi melibatkan semua pihak termasuk perolehan sampel madu dari beberapa kawasan, seterusnya membuat analisis kimia mengikut *Codex Alimentarius* agar ia dapat diterima pada peringkat antarabangsa.

MARDI juga akan mengambil beberapa kajian dan langkah penting untuk membangunkan

madu kelulut sebagai *superfood* termasuklah kajian peningkatan bahan khasiat, pembahagian madu mengikut kualiti antioksidan, ujian keselamatan produk, ujian jangka hayat dan ujian penerimaan produk.

Dengan adanya tersebut, pengguna dijamin memperoleh madu kelulut yang tulen dan dapat mengelak berlakunya penipuan.

Dalam masa yang sama, kementerian sangat komited untuk memastikan madu yang dihasilkan oleh penternak lebah kelulut seluruh negara benar-benar berkualiti dan memenuhi standard antarabangsa. Dengan yang demikian akan membuka lebih ruang kepada produk tersebut memasuki pasaran luar negara.

MARDI sebagai agensi yang dipertanggungjawab untuk membangunkan standard tersebut akan terus menjalin kerjasama erat dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Malaysian Genom Institut (MGI), Jabatan Standard Malaysia dan semua pihak terlibat pertubuhan bukan kerajaan termasuk universiti, pengusaha, dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.



DR. SHARIF HARON

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)



FAKTA MADU

Persepsi silap orang ramai mengenai ketulenan madu

- Madu asli dikatakan mempunyai warna, rasa dan bau tertentu.
- Madu yang asli tidak dihirungi semut.
- Madu asli tidak beku dalam peti sejuk.




Perlu yakinkan pengguna

SEORANG penyelidik dari Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), **Prof Madya Dr. Shamsul Bahri Abd. Razak**

bersejua bahawa beberapa ujian konvensional seperti kelarutan madu di dalam air, di atas kertas dan madu yang dikocak di dalam bekas air tidak berbuih untuk mengesan ketulenan madu tidak boleh diguna pakai. Ini kerana katanya, madu sememangnya tidak larut terus kerana ketumpatan tinggi, sifatnya yang biasanya pekat masih mengekalkan rupa bentuk dan tidak cepat merebak di atas kertas.

“Madu tidak asli terbahagi dua iaitu madu campur (*adulterated honey*) dan madu buatan atau madu sintetik. Madu sintetik memang tidak ada langsung komponen madu, manakala madu campur wujud kerana campuran bahan lain yang biasanya untuk menambah isi padu.

Kata beliau, satu lagi ujian



MENENTUKAN sama ada madu tulen atau sebaliknya tidak boleh ditentukan dengan mata kasar.

madu konvensional adalah kandungan debunga (*pollen*) di dalam madu. Biasanya madu dituai menggunakan ekstraktor atau pengempap. Madu di dalam lilin akan bercampur dengan debunga. Namun ada juga madu asli yang ditapis (*ultrafiltration*) sehingga madu tersebut tidak mempunyai keladak debunga.

Beliau menambah, buat masa ini, belum ada panduan yang tersusun atau Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk ternakan lebah madu

dan kelulut di negara ini dan pengusaha hanya mengikut cara masing-masing.

“Pengusaha lebah madu dan kelulut boleh merujuk *Code of Practice* selepas ia selesai digubal oleh agensi berkaitan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memastikan industri tersebut dilestarikan,” ujarnya.

Pengusaha yang memperoleh sijil Amalan Pengilangan Baik (GAP) dan mematuhi piawaian MS boleh membantu mereka meyakinkan pengguna terhadap produk masing-masing.

- LAUPA JUNUS



DR. SHAMSUL BAHRI ABD. RAZAK

Lalat ancam industri kelulut

KETIKA industri kelulut semakin mendapat perhatian dan melahirkan ramai usahawan, tiba-tiba kita dikejutkan dengan masalah yang bukan sahaja mengancam malah melumpuhkan industri ini jika tidak dibendung lebih awal.

Masalah tersebut diedahankan oleh Jabatan Pertanian yang menyifatkan kes tersebut amat serius kerana ia melibatkan serangan lalat askar hitam atau *Black Soldier Fly* (BSF).

Menurut Ketua Pengarahnya, **Datuk Ahmad Zakaria Sidek** serangan BSF ke atas koloni lebah kelulut mula dikesan di negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang pada penghujung Jun 2016.

"Sehingga Ogos 2016 sebanyak RM 2.4 juta kerugian telah direkod di mana negeri Kedah mencatatkan kerugian tertinggi iaitu sebanyak RM 1.5 juta," ujarnya.

Black Soldier Fly berasal dari Amerika dan mulai merebak ke Eropah, Australia, India serta Asia termasuk Malaysia selepas Perang Dunia Kedua. Tempoh hidup seekor BSF dewasa hanya sekitar antara lima hingga tujuh hari sahaja dan seekor BSF betina mampu bertelur sehingga 500 biji telur sepanjang hayatnya.

Namun begitu, BSF dewasa hanya berperanan untuk mengawan serta bertelur dan tidak perlu makan dan minum kerana tidak mempunyai mulut.

Oleh demikian, BSF dewasa tidak dikategorikan sebagai lalat pembawa penyakit. Peringkat larva BSF boleh dimanfaatkan kerana 15kg sisa organik sehari.

Terdapat beberapa syarikat yang menggunakan larva BSF untuk mengkompos sisa buangan organik termasuk ESR

International LLC di Dallas, Texas. Selain itu, larva BSF matang sesuai dikomersialkan sebagai makanan utama industri perikanan dan penternakan ayam kerana terdiri daripada 45 peratus protein dan 35 peratus lemak.

Beliau berkata, tanda paling mudah untuk mengesan serangan adalah apabila terowong masuk lebah kelulut menjadi kering secara tiba-tiba dan propolis yang memenuhi kotak *topping* menjadi seakan-akan reput serta berkulat hingga merebak masuk ke dalam log.

Serangan dianggap berada pada tahap kritikal apabila kelihatan larva BSF memenuhi sarang lebah kelulut, manakala kantung madu dan roti lebah pecah serta terdapat larva di dalam kantung.

Sekiranya koloni lebah kelulut yang ditenak telah diserang, penternak perlu mengambil tindakan segera bagi menyelamatkan koloni tersebut dengan menanggalkan kotak *topping* dari log kayu dan membelah log bagi menentukan sama ada Permaisuri Lebah Kelulut masih boleh diselamatkan atau tidak.

Sekiranya permaisuri tiada, maka penternak perlu segera memusnahkan koloni yang telah diserang dengan cara membakar log kayu sebelum serangan merebak ke koloni yang lain.

Koloni yang belum diserang BSF perlu diberi perhatian yang serius kerana potensi serangan adalah tinggi sekiranya telah ada tanda serangan pada koloni di



SARANG kelulut yang diserang larva Lalat Askar Hitam (BSF).

kawasan sekitar.

Delam pada itu, menurut Ahmad Zakaria, pihaknya telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani masalah tersebut iaitu mengadakan khidmat nasihat menerusi Kuasa Usaha Bahagian Padi Tanaman Industri dan Florikultur (BPTIP) di negeri-negeri berkaitan kaedah kawalan perosak bagi lebah kelulut.


Kaedah lain adalah mewujudkan kerjasama dengan MARDI, Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Akademi Kelulut Malaysia (AKM), Institut Genom Malaysia (MG) dan agensi-agensi lain berkaitan pembangunan Standard Madu, yang meliputi Pembangunan Standard Madu Kelulut Malaysia, Spesifikasi Madu Kelulut dan SOP Perternakan Lebah Kelulut.

LANGKAH KAWALAN YANG BOLEH DIAMBIL BAGI MENGLAKKAN SERANGAN LEBIH TERUK

- Penggunaan jaring nyamuk yang saiznya boleh memuatkan lebah kelulut boleh dipasang di semua

PEROSAK KOLONI KELULUT

Hemertia illucens (Black Soldier Fly) Lalat Askar Hitam



KEHADIRAN Lalat Askar Hitam (BSF) kini menjadi ancaman kepada industri lebah kelulut.

terowong masuk lebah kelulut yang masih belum kena serangan.

- Mengurangkan kekerapan penuaian hasil madu lebah kelulut kerana bau madu dan roti lebah akan menarik perhatian BSF.

- Pemerhatian secara intensif seperti melaksanakan pemeriksaan koloni yang disyaki terkena serangan BSF sebagai langkah kawalan awal.

- Sekiranya kawasan perternakan lebah kelulut asal telah dikesan serangan BSF, penternak perlu mengasing dan memindahkan koloni lebah kelulut sihat ke lokasi baru yang kering dan jauh dari kawasan perternakan lebah kelulut lain. Ini kerana kawasan perternakan lebah kelulut sedia ada berkemungkinan telah mempunyai BSF.

PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

- Menjaga kebersihan ladang dari bahan-bahan yang mereput seperti buah-buahan yang membusuk terutama kawasan ternakan terletak di kebun-kebun buah.

- Pastikan tiada takungan air yang membolehkan log mereput di bahagian tapak dan mengakibatkan kehadiran perosak.

- Kawasan log yang telah diserang perosak BSF, dinasihatkan membuat rawatan pada tanah tersebut dengan cara membakar.

- Pastikan tiada rekahan atau lubang pada log; atau ruang antara *topping* dan log yang membolehkan perosak tinggal di kawasan tersebut. Ruang atau lubang perlu ditampal dengan menggunakan silikon.

- Pastikan binaan *topping* dibuat menggunakan kayu yang berkualiti dan bertanggam. Ini untuk mengelakkan kayu binaan *topping* merekah dan akan menghasilkan ruang bagi membolehkan perosak masuk ke dalam *topping*. Pastikan tumpahan madu dan sisa-sisa *bee bread* dibersihkan untuk mengelakkan madu yang masam menarik perhatian perosak.

- Kerja-kerja pemindahan koloni perlu dijalankan jauh dari kawasan ternakan dan sekiranya terpaksa, amalan sanitasi terhadap najis haiwan perlu diuruskan dengan baik.



Have more policy debates on science

THE world is increasingly turning to science for answers to global woes. Take the sustainability agenda championed by the United Nations as an example. Most of the solutions to the goals lie in science: Science for better energy usage, science for improved health care, science for more affordable housing, science for clean technologies and many more.

It is therefore no surprise that science is prominent in the policy discussions of nations, especially the developed economies. In the United States, the president of the National Academy of Sciences presents the state of science report to Congress every year. Issues including the latest developments in science, new emerging technologies and the impact of science on society are presented. Congress would often take up the relevant recommendations for implementation by the government.

Such congressional debates provide guiding inputs to the nation's

investments in science. More importantly, policy makers are made more aware of the emerging opportunities science offers and are better prepared to propose the necessary national actions required. One issue which the nation continues to grapple with is science education, or better known as STEM, which stands for education in science, technology, engineering and mathematics. Here, at home, we are also saddled with the same STEM issue. Unfortunately, there does not seem to be much discussion on this in Parliament even though we know fully well the implications of the issue, if left unresolved, on the future of science and innovation in our country and the consequences on the nation's global competitiveness.

A recent analysis by the **Academy of Sciences Malaysia** on our Parliamentary discussions has confirmed the fact that we lack serious discourses on science issues. We at the Academy view

this as unhealthy especially since the Government has for years emphasised the critical role of science in supporting the nation's socio-economic development. The only exceptions were the times when issues on Lynas and bauxite mining were hotly debated. But even then, the issues were politically motivated. Not surprisingly, the contents of the discourse were sorely lacking in scientific substance.

Admittedly, investments in science do not come cheap. For decades now, the country has spent billions of ringgit funding R&D in science. However, researchers are still saying the allocation for science is still low by global standards. Our spending has yet to exceed one percent of GDP. In developed economies, they are talking of three or four percent. Scientists are asking for at least two percent of GDP if scientific R&D are to have any significant impact.

The problem is policy makers in Government have yet to be convinced that the investments in R&D all these years have delivered adequate returns. We are not short of critics who label the R&D that we do as only self-fulfilling, or in the local lingo "syok sendiri". Except for the R&D undertaken for palm oil and rubber, which have delivered some noticeable impact to the related industries, the others have yet to be truly felt by the society and nation.

Some reasons have been offered for the poor performance in the rest of the R&D – no clear direction as well as a poorly defined end game. Take the high impact research (HIR) which was anchored by Universiti Malaya as an example. We were told that the main KPIs of the research were to increase the number of publications in the top science journals of the world. And this was aimed mainly to prop up the position of the university in the highly-criticised ranking hierarchy.

There is no harm in imposing such publications KPIs but it would have been better if the topics chosen for the R&D were aligned to a bigger national agenda of supporting the socio-economic well-being of the country. For example, like the case of palm oil and rubber, the R&D should be aligned to a long term 20-year plan to make Malaysia an industry leader in biotechnology or nanotechnology. That way we are clear on the end game which would surely deliver benefits to society and the nation.

This is where parliamentary discourses are important to significantly influence the directions for R&D spending in the country. They should not just be left to scientists alone!

PROF DATUK DR AHMAD IBRAHIM
Fellow, Academy of Sciences Malaysia
UCSI University

All set for major floods to hit

Residents to be evacuated even before the waters rise

By BEH YUEN HUI, SIMON KHOO
and SIRA HABIBU
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Major floods are about to hit the east coast prompting emergency agencies to prepare for the worst.

Pahang, Kelantan and Terengganu will bear the brunt of the lashing north-east monsoon season in mid-November.

But the agencies are planning to be on top of things this time around.

Residents will be evacuated before the flood waters rise to dangerous levels.

The Civil Defence Force will act as secretariat to oversee flood relief operations.

Also gearing up are the police, Welfare Department and Fire and Rescue Department, besides the other relevant bodies.

The Pahang Meteorological Department warned of exceptional high tides on Nov 14 and Dec 14, with a total of 385 areas in the states being prepared for floods.

A total of 107 forward bases will have food stockpile for up to three days beginning Nov 7.

A department spokesman said early warnings would be issued 48 hours in advance.

"We expect rainfall from the second week of November with heavy rains from December to January, next year. If there is continuous rainfall, massive floods are likely," he said.

Should a major flood occur, parts of the East Coast Highway (near the Temerloh rest area) and Jalan Ubai in Pekan will be cut off.

Mudflows are also expected in Bukit Goh, Bukit Satelit in Beserah and several bauxite mining areas in Kuantan.

A total of 118 locations in Pahang



Good to go: Kuala Lumpur Fire and Rescue Department personnel getting their equipment in place ahead of the year-end floods.

have been identified as possible landslide areas, with Maran being the most exposed.

In addition, 666 temporary relief centres to house 165,650 flood victims have been identified, and the centres will be increased if the situation worsens.

Leave for flood rescue personnel have been frozen for three months beginning Nov 15.

Pahang Crisis Relief Squad of MCA (CRSM) chief Datuk Chang Hong Seong said all its members were on standby.

"We will assist in distributing aid and help in evacuation efforts. Most of our members have received training and have the experience of dealing with major floods," he added.

Kelantan Civil Defence director Lt

Kol Zainuddin Hussin said via telephone from Kota Baru: "Everything is in place and we are all ready."

"Flood drills have been conducted many times and canned food, water and blankets have been stocked up."

Lt Kol Zainuddin urged residents in affected areas to give their full cooperation to rescue teams.

"We have to act before the situation gets worse," he added.

Terengganu Civil Defence director Lt Kol Che Adam A. Rahman said community leaders at flood-prone areas were also ready.

"We conducted flood simulation exercises for them, teaching them how to react and where to go to in case of floods," he said, adding that 500 places, including schools and community halls, had been regis-

tered as flood evacuation centres.

Terengganu CRSM chief Datuk Lua Choon Hann said its branches in the east coast states had been activated.

"We are maintaining close contact with the relevant agencies, including the National Security Council and Welfare Department," he added.

Lua said the squad was updating its database on logistics and equipment support.

Natural Disaster Management Agency deputy chairman Datuk Seri Shahidan Kassim said flood victims would be evacuated before the situation got dangerous.

"This way, we can cut down on the need to use boats for evacuation," he said.

"The boats can be used to distribute aid instead."

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Effects of La Nina to occur in coming months

PETALING JAYA: Heavy rains are set to hit the east coast but Perlis, Kedah, Penang and northern Perak are expected to receive lower than normal rainfall between December and January next year.

The **Meteorological Department** said the north-east monsoon will arrive some time in November.

In Sarawak, normal rainfall of between 300mm and 450mm is expected to fall until the end of the year.

Between January to February 2017, Kapit and Belaga are expected to receive slightly below normal rainfall. The other areas are

expected to receive the normal rainfall.


For Sabah, most parts are expected to receive normal rainfall until January 2017, while Kudat and Sandakan will receive below normal rainfall from February to March 2017.

A weak or neutral La Nina is expected to occur until early next year.

La Nina leads to a cooling of sea-water and often takes place after El Nino.

Both situations lead to unusually heavy rainfall in some parts of the world and drought elsewhere.

Rain forecast for December 2016



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Elixir Capital intai syarikat e-dagang tempatan

Kuala Lumpur: Elixir Capital, syarikat dana teroka berpangkalan di Amerika Syarikat yang bekerjasama dengan **Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap)** sentiasa mengintai peluang untuk menyuntik ekuiti dalam mana-mana syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan yang menggunakan platform e-dagang.

Ini kerana, syarikat itu melihat Malaysia yang kini dalam proses lonjakan dalam industri ekonomi digital memberi manfaat kepada

syarikat asing sepertinya untuk terus melabur dalam syarikat e dagang tempatan.

Pengarah Urusannya, Arshad Ahmed berkata, industri e-dagang yang masih belum diterokai secara meluas di Malaysia misalnya dalam kalangan usahawan tempatan menunjukkan potensi positif kepada syarikat asing memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan sebagai penyedia dana teroka.

Beliau berkata, industri e-dagang di Malaysia ketika

ini hanya pada kadar 1.0 atau 1.5 peratus daripada aktiviti peruncitan keseluruhan berbanding negara yang lebih ke hadapan antaranya China dan Jepun.

"Kami sudah melabur dalam dua syarikat PKS e-dagang iaitu dalam industri fesyen, FashionValet dan logistik, The Lorry yang mana kedua-dua syarikat pemula ini mempunyai potensi besar untuk berkembang.

"Perkara penting ialah kami perlu mendapat usahawan yang betul," katanya

kepada Bisnes Metro, di sini.

Elixir Capital adalah salah satu rakan kongsi di bawah program rakan kongsi penyumberan luar ketiga (OSP3) Mavcap pada 2014 memandangkan syarikat berkenaan mempunyai pengalaman luas dalam industri ekuiti swasta serta rangkaian pengurus dana.

Di bawah OSP, sejumlah besar modal diperuntukkan kepada syarikat pengurusan modal teroka yang seterusnya akan melabur dalam perniagaan pertumbuhan tinggi.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19

TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

Mahu jadi pengeluar utama dunia dalam pembersihan, pembasmian kuman

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
ekonomi@utusan.com.my

SEREMBAN 30 Okt. - Pengeluar produk kesihatan dan kosmetik, Hana Medic Sdn. Bhd. (Hana Medic) bercadang menjadi pengeluar utama dan pender produk pembersihan serta pembasmian kuman ke luar negara dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Syarikat milik penuh Presiden Persatuan Kawalan Jangkitan Malaysia, Dr. Norayati Abd. Majid itu kini sedang mengukuhkan kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bagi merealisasikan cita-cita itu.

Norayati yang juga Pengarah Urusan syarikat itu berkata, Hana Medic telah bekerjasama dengan Matrade sejak lima tahun lalu dan syarikat telah melayakkan diri menyertai pelbagai program tajaan perbadanan itu seperti Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP) dan Go-Ex.

Menurutnya, program BWYEDP membantu syarikat itu menyertai pelbagai pameran tempatan seperti Pameran Halal



NORAYATI ABD. MAJID (kanan) melihat Pegawai Mikrobiologi, Siti Nur Amira Sahroni (dua dari kiri) dan Ahli Kimia, Nurshafiqah Ellyia Alias menjalankan penyelidikan di makmal Hana Medic Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Nilai Utama, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

Antarabangsa Malaysia (MIHAS) dan peringkat antarabangsa antaranya Oman Health 2016.

Jelasnya, Go-Ex membantu syarikat itu dalam pendaftaran produk peringkat antarabangsa seperti Obelis Group dan CE Marking selain pembiayaan meli-

puti tempat perbincangan yang akan diadakan, penginapan dan pengangkutan.

"Hana Medic juga aktif menyertai program-program antarabangsa seperti MEDICA di Dusseldorf, Jerman; Arab Health di Dubai dan CPHI International di

Barcelona.

"Melalui program anjuran Matrade, Hana Medic telah dapat mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa iaitu Myanmar dan Brunei. Selain itu, syarikat ini telah berjaya menembusi pasaran di Qatar, Oman dan Macau," katanya dalam satu temu ramah dengan *Utusan Malaysia* di kilang Hana Medic dekat Nilai, baru-baru ini.

Mengenal Hana Medic, Norayati memberitahu, syarikat itu kini mengeluarkan sebanyak 14 produk, setiap satunya telah menjalani penyelidikan komprehensif sejak ia ditubuhkan pada 2006.

Antara produk utama keluaran Hana Medic ialah pembersihan tangan, krim tangan dan badan, pembersih pembasmian kuman dan set penjagaan kulit.

Pembasmian tangan misalnya, digunakan di banyak hospital kerajaan di seluruh negara termasuk Sarawak.

Syarikat itu juga menawarkan pendidikan dan latihan yang berterusan untuk pekerja penjagaan kesihatan di seluruh negara.

Pada 2010, syarikat berkenaan menyertai SIRIM dalam Skim Inkubator Berhad untuk membangun dan mengeluarkan peralatan perubatan seperti pembersihan tangan, losyen tangan dan badan serta pembersih pembasmian kuman di bawah jenama SaferCare dengan kawalan kualiti yang ketat.

Pada 2012 pula, Hana Medic bekerjasama dengan SIRIM untuk menubuhkan kilang pem-

NORAYATI ABD. MAJID bersama produk keluaran Hana Medic Sdn. Bhd.



Melalui program anjuran Matrade, Hana Medic telah dapat mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa iaitu Myanmar dan Brunei. Selain itu, syarikat ini telah berjaya menembusi pasaran di Qatar, Oman dan Macau."

DR. NORAYATI ABD. MAJID Syarikat milik penuh Presiden Persatuan Kawalan Jangkitan Malaysia

buatan sendiri yang mematuhi standard Pertubuhan Pemakaian Antarabangsa (ISO), Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan status halal untuk menghasilkan produk SaferCare.

Norayati yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan kesihatan kerajaan dengan jawatan terakhir sebagai Pengurus Kejururawatan di Unit Kawalan Jangkitan di Kementerian Kesihatan berkata, status halal produk keluarannya adalah satu kelebihan yang membolehkan syarikat itu muncul sebagai pengeluar utama untuk pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Beliau berkata, hasrat untuk menceburi dunia perniagaan

timbul semasa beliau terlibat secara aktif merangka strategi bagi menangani penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang melanda negara pada tahun 90-an.

"Bahan yang paling penting ketika itu adalah pembersihan tangan yang mana pada masa itu kita bergantung kepada produk yang diimport dari luar negara.


"Pegawai WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) ketika itu memberitahu saya mengapa tidak negara ini sendiri yang menghasilkan produk berkenaan," katanya.

Sejak itu, katanya, beliau mula menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan pembersihan tangan dengan bantuan SIRIM dan akhirnya berjaya menjual produk tersebut mulai 2006.

Tambahnya, pada tahun pertama, Hana Medic berjaya mencatatkan jualan kira-kira RM1 juta dan tahun lalu, nilai tersebut bertambah kepada RM10 juta.

Beliau menarik perhatian, kejayaan syarikat itu antaranya adalah hasil bantuan Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang memberi pinjaman sebanyak RM750,000 bagi membolehkan Hana Medic membina kemudahan makmal penyelidikan di kilangnya.

Norayati berkata, dengan bantuan daripada semua pihak terutamanya Matrade, Hana Medic yakin hasrat untuk mengukuhkan penguasaan pasaran tempatan dan mengembangkan perniagaan serata dunia akan menjadi satu kenyataan.



BANGUNAN Hana Medic Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Nilai Utama, Negeri Sembilan.

MATRADE
JAGUH EKSPORT MATRADE